61A. (1) Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan, hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Pengeksport Utama Diluluskan” yang membenarkan mana-mana orang yang layak untuk dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan cukai jualan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau yang dibeli daripada seorang pengilang berdaftar dengan syarat—

- (a) barang bercukai itu hendaklah dieksport, atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas; atau
- (b) barang bercukai itu digunakan sebagai bahan mentah, bahan bungkusan dan pembungkusan atau komponen untuk dikilangkan, yang kemudiannya hendaklah dieksport, atau diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas sebagai barang yang dikecualikan daripada cukai jualan menurut suatu perintah yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang diberikan suatu kelulusan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan hendaklah merekodkan cukai yang dikecualikan ke atas pengimportan, pengangkutan atau pembelian barang bercukai itu mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana orang yang diberikan suatu kelulusan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan tidak mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan, apa-apa cukai jualan yang telah dikecualikan hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar oleh orang itu dari tarikh ketidakpatuhan syarat itu dan cukai jualan itu hendaklah dibayar mengikut bentuk dan cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2010

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2010

38. Bab ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan kepada Akta Kewangan 2010

39. Akta Kewangan 2010 dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

“Pindaan seksyen 49

6. Akta ibu dipinda dalam seksyen 49 dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of subsection (1)—

(a) where the aggregate amount of deduction allowed under that subsection in respect of payments, other than payment of premium for any deferred annuity contracted by an

individual on or after 1 January 2010, or contributions or both, is six thousand ringgit or less, there shall be allowed a further deduction on any payment of premium for such deferred annuity:

Provided that the total of that aggregate amount of deduction and that further deduction shall not exceed seven thousand ringgit; and

(b) where subsection 50(2) or 50(3) applies, the total deduction under that subsection shall not exceed six thousand ringgit or where paragraph (a) applies, shall not exceed seven thousand ringgit.”;

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan seksyen 10 dengan seksyen yang berikut:

“Amendment of section 107c

10. Section 107c of the principal Act is amended—

(a) in subsection (4), by inserting after the words “in a year of assessment” the words “and the basis period for that year is not less than six months”;

(b) in subsection (8), by inserting after the words “(3),” the words “(4),”;

(c) by inserting after subsection (10) the following subsection:

“(10A) Where for a year of assessment—

(a) no estimate is furnished by a company, trust body or co-operative society and no direction is given by the Director General to make payment by instalment under subsection (8);

(b) no prosecution under section 120 has been instituted in relation to failure to furnish such estimate; and

(c) tax is payable by that company, trust body or co-operative society pursuant to an assessment for that year of assessment,

such tax payable shall without any further notice being served be increased by a sum equal to ten per cent of the tax payable and that sum shall be recoverable as if it were tax due and payable under this Act:

Provided that if that company, trust body or co-operative society pays that sum or, where the sum is remitted under subsection (11), that company, trust body or co-operative society shall not be liable to be charged on the same facts with an offence under section 120.”; and

(d) in subsection (11), by substituting for the words “or (10)” the words “, (10) or (10A)”.”; dan

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan seksyen 35 dengan seksyen yang berikut:

“Pemakaian Bahagian ini

35. Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan Akta ibu, peruntukan Akta ibu adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.”.

BAB VIII

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2018

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Kewangan 2018

40. Bab ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pindaan seksyen 71

41. Akta Kewangan 2018 dipinda dengan menggantikan seksyen 71 dengan seksyen yang berikut:

“Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

71. (1) Seksyen 72, 73, 74 dan 75 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

(2) Seksyen 76, 77, 78, 79, 80, 81 dan 82 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Jualan 2018 (“Akta 806”), Akta Kewangan 2010 (“Akta 702”) dan Akta Kewangan 2018 (“Akta 812”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 53.

Perenggan 5(a) bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(i) Akta 53 untuk memanjangkan tempoh pemakaian kadar cukai sebanyak sepuluh peratus ke atas mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah kepada suatu pemegang unit yang merupakan suatu institusi pelabur atau pemegang unit individu kepada tempoh enam tahun dari tahun taksiran 2020.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020 sehingga tahun taksiran 2025.

Perenggan 5(b) bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(l) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa cukai pendapatan dikenakan ke atas keseluruhan amaun pengeluaran daripada skim persaraan swasta oleh seseorang individu sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun selain atas sebab penjagaan kesihatan atau perumahan, yang pengeluaran itu hendaklah mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti yang berkaitan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

3. *Perenggan 6(b)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 6A(2A) ke dalam Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu rebat cukai ke atas levi pelepasan yang dibayar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 [Akta 813] oleh seseorang individu yang meninggalkan Malaysia melalui udara untuk menunaikan umrah atau ziarah agama yang lain.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 34(6) Akta 53.

Perenggan 7(a) bertujuan untuk meminda perenggan 34(6)(h) Akta 53 bagi meluaskan skop potongan berhubung dengan projek komuniti untuk merangkumi suatu projek bagi penyelenggaraan suatu bangunan yang telah ditetapkan sebagai suatu tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Perenggan 7(b) bertujuan untuk meminda proviso kepada perenggan 34(6)(k) Akta 53 bagi menaikkan amaun maksimum potongan bagi menaja apa-apa aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan daripada tujuh ratus ribu ringgit kepada satu juta ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 53.

Perenggan 8(b), (d) dan (e) bertujuan untuk meminda subseksyen 44(6), (11B) dan (11C) Akta 53 masing-masing untuk memperuntukkan bahawa amaun maksimum yang dibenarkan sebagai potongan kepada seseorang individu selain syarikat bagi apa-apa pemberian wang kepada mana-mana institusi, organisasi atau tabung yang diluluskan, bagi mana-mana aktiviti sukan atau projek berkepentingan negara dinaikkan daripada tujuh peratus kepada sepuluh peratus daripada pendapatan agregat.

Perenggan 8(c) bertujuan untuk meminda subseksyen 44(6B) Akta 53 untuk membenarkan mana-mana pihak berkuasa agama yang berkenaan, badan atau universiti awam yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah berhubung dengan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 44(11D) Akta 53 untuk merayu kepada Menteri.

Perenggan 8(f) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 44(1D) dan (11E) ke dalam Akta 53 untuk membenarkan potongan yang sama dengan apa-apa pemberian wang dalam bentuk wakaf atau endowmen yang dibuat kepada mana-mana pihak berkuasa agama yang berkenaan, badan atau universiti awam yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen baharu (11D) dan amaun yang telah dipotong di bawah proviso kepada subseksyen 44(6), (11B) dan (11C) Akta 53 tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada pendapatan agregat orang itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53.

Perenggan 9(a) bertujuan untuk menggantikan perenggan 46(1)(g) Akta 53 bagi meluaskan potongan individu kepada perbelanjaan perubatan yang dibelanjakan oleh seseorang individu untuk dirinya sendiri atau pasangannya yang menjalani rawatan kesuburan. Potongan individu yang diberikan itu adalah bagi suatu amaun yang terhad kepada amaun maksimum enam ribu ringgit yang dibelanjakan bagi kedua-dua rawatan penyakit serius dan kesuburan. Tuntutan itu mestilah dibuktikan dengan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh seorang pengamal perubatan bahawa rawatan kesuburan telah diberikan dan potongan itu hanya diberikan kepada seseorang individu yang berkahwin yang menjalani rawatan kesuburan itu.

Perenggan 9(b) bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(r) Akta 53 untuk menaikkan amaun potongan yang diberikan kepada seseorang individu bagi suatu amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan bagi pembayaran bayaran penjagaan anak kepada suatu taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] atau tadika yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] bagi anak individu itu yang berumur enam tahun ke bawah daripada satu ribu ringgit kepada dua ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 77B(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar menurut penyata terpinda hanya akan dinaikkan kepada suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada amaun cukai atau cukai tambahan itu. Kenaikan cukai tambahan bagi penyata terpinda yang dikemukakan selepas enam puluh hari tidak akan dikenakan lagi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

8. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 91 Akta 53 yang memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran pada bila-bila masa kesan daripada suatu prosedur perjanjian bersama dalam perkiraan percukaian dua kali yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 132 Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

9. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda subseksyen 100(1) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa permohonan lanjutan masa merayu terhadap suatu taksiran boleh dibuat dalam tempoh tujuh tahun selepas berakhirnya tempoh untuk membuat rayuan di bawah subseksyen 99(1) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 103 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar pada tarikh yang ia kena dibayar, amaun yang tidak dibayar itu akan dinaikkan pada kadar tunggal iaitu sepuluh peratus. Kenaikan cukai tambahan lima peratus tidak akan dikenakan lagi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

11. Perenggan 16(b) bertujuan untuk meminda perenggan 104(1)(b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seseorang individu boleh dihalang daripada meninggalkan Malaysia sekiranya dia tidak membayar kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10A) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

12. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 109G(1) Akta 53 untuk meluaskan skop pengeluaran daripada skim persaraan swasta oleh seseorang individu sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun yang tidak tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar lapan peratus atas alasan penjagaan kesihatan atau perumahan, yang pengeluaran itu hendaklah mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti yang berkaitan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

13. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 153 Akta 53 bagi memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan atau membaharui kelulusan bagi seseorang untuk bertindak sebagai agen cukai. Jika orang itu terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah yang enggan membaharui sesuatu kelulusan atau membatalkan sesuatu kelulusan, dia boleh merayu kepada Menteri terhadap keputusan itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

14. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda Jadual 1 kepada Akta 53.

Subperenggan 20(a)(i) bertujuan untuk meminda perenggan 1 Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu kadar cukai baharu yang akan dikenakan bagi suatu tahun taksiran ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai selain yang disebut dalam perenggan 1A, 2, 2A, 2D, 3 dan 4 pada kadar sebanyak tiga puluh peratus bagi setiap ringgit yang melebihi dua juta ringgit pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu.

Subperenggan 20(a)(ii) bertujuan untuk meminda perenggan 1A Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu kadar cukai baharu sebanyak tiga puluh peratus yang akan dikenakan bagi suatu tahun taksiran ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang (selain syarikat) yang tidak bermastautin.

Subperenggan 20(a)(iii) bertujuan untuk meminda perenggan 2A Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi kriteria tambahan untuk tertakluk kepada kadar cukai di bawah perenggan 2A Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53. Kriteria tambahan itu adalah bahawa syarikat itu mesti juga mempunyai pendapatan kasar tidak melebihi lima puluh juta ringgit dalam suatu tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran daripada semua sumber perniagaan. *Subperenggan* ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 2A Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk menaikkan amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat di bawah peruntukan itu daripada lima ratus ribu ringgit kepada enam ratus ribu ringgit.

Subperenggan 20(a)(iv) bertujuan untuk meminda perenggan 2D Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan kriteria tambahan kepada perkongsian liabiliti terhad untuk tertakluk kepada kadar cukai di bawah perenggan 2D Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53. Kriteria tambahan itu adalah bahawa perkongsian liabiliti terhad itu juga mesti mempunyai pendapatan kasar tidak melebihi lima puluh juta ringgit dalam suatu tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran daripada semua sumber perniagaan. *Subperenggan* ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 2D Bahagian 1 Jadual 1 kepada Akta 53 untuk menaikkan amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu perkongsian liabiliti terhad di bawah peruntukan itu daripada lima ratus ribu ringgit kepada enam ratus ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perenggan 20(b) bertujuan untuk meminda Bahagian XVI Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jumlah pengeluaran keseluruhan daripada skim persaraan swasta oleh seorang individu sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun selain atas alasan penjagaan kesihatan atau perumahan, hendaklah tertakluk kepada kadar cukai di bawah Bahagian ini.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

15. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda Jadual 3 kepada Akta 53.

Subperenggan 21(a)(i) bertujuan untuk meminda subperenggan 19A(1) Jadual 3 kepada Akta 53 untuk menaikkan nilai aset bernilai kecil yang layak bagi suatu elaun khas di bawah perenggan 19A daripada satu ribu tiga ratus ringgit kepada dua ribu ringgit.

Subperenggan 21(a)(ii) bertujuan untuk meminda proviso kepada subperenggan 19A(1) Jadual 3 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika jumlah perbelanjaan loji yang layak berkenaan dengan aset bernilai kecil melebihi amaun dua puluh ribu ringgit, jumlah elaun itu hendaklah dua puluh ribu ringgit.

Perenggan 21(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 19A(3) Jadual 3 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa proviso kepada subperenggan 19A(1) tidak terpakai bagi sesuatu syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa sebanyak dua juta lima ratus ribu ringgit dan ke bawah pada permulaan suatu tempoh asas dan pendapatan kasar tidak melebihi lima puluh juta ringgit daripada semua punca perniagaan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

16. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda subperenggan 13(1) Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memasukkan subsubperenggan 13(1)(c) baharu ke dalam Jadual 6 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pendapatan pihak berkuasa agama yang berkenaan, badan atau universiti awam yang telah diluluskan bagi maksud subseksyen 44(11D) berkenaan dengan apa-apa wakaf atau endowmen yang diterima termasuklah pendapatan yang terbit daripadanya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah dikecualikan daripada cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

17. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda subseksyen 21B(1A) Akta 169 untuk meluaskan ruang lingkup kehendak jumlah yang dipegang simpan yang berhubungan dengan pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai sebanyak tujuh peratus kepada syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 25 dan 26* bertujuan untuk meminda Jadual 2 dan 3 kepada Akta 169 masing-masing untuk memperuntukkan bahawa apabila pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai yang diperoleh sebelum 1 Januari 2013, nilai pasaran pada 1 Januari 2013 akan diambil sebagai harga perolehan bagi aset yang boleh dikenakan cukai itu.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Oktober 2019.

19. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda Jadual 5 kepada Akta 169.

Perenggan 27(a) bertujuan untuk meminda Bahagian II Jadual 5 kepada Akta 169 untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian kadar cukai di bawah Bahagian itu kepada suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau pemegang amanah bagi suatu amanah.

Perenggan 27(b) bertujuan untuk meminda Bahagian III Jadual 5 kepada Akta 169 untuk mengadakan peruntukan bagi pemakaian kadar cukai di bawah Bahagian itu kepada syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

20. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda subbutiran 27(a)(ii) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk menaikkan amaun maksimum duti setem yang kena dibayar ke atas pinjaman dalam mata wang asing daripada lima ratus ringgit kepada dua ribu ringgit.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

21. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 543 untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran pada bila-bila masa kesan daripada suatu prosedur perjanjian bersama dalam perkiraan percukaian dua kali yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 65A Akta 543.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

22. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda subseksyen 44(1) Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa permohonan lanjutan masa untuk merayu terhadap suatu taksiran boleh dibuat dalam tempoh tujuh tahun selepas berakhirnya tempoh untuk membuat rayuan di bawah subseksyen 43(1) Akta 543.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

23. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 65A Akta 543 untuk memasukkan Konvensyen Multilateral untuk Pelaksanaan Langkah-Langkah Berkaitan Triti Cukai untuk Mencegah Penghakisan Asas dan Pemindahan Keuntungan atau apa-apa perkiraan lain yang mengubah suai apa-apa perkiraan semasa antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2018.

24. *Fasal 34* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 65^{AA} ke dalam Akta 543 untuk mengadakan peruntukan bagi suatu kaedah baharu bagi apa-apa perkiraan dua hala atau pelbagai hala yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk menguatkuasakan obligasi-obligasi antarabangsa Malaysia berhubung dengan percukaian di bawah Akta atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2018.

25. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 83 Akta 543 untuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud untuk melaksanakan dan memudahkan penguatkuasaan sesuatu perkiraan di bawah seksyen baharu 65^{AA}.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2018.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 2018

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018.

26. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan Bahagian IX^A baharu ke dalam Akta 806 untuk mengadakan peruntukan bagi Skim Pengeksport Utama Diluluskan. Skim ini membenarkan pengecualian daripada keseluruhan bayaran cukai jualan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan kepada mana-mana orang yang layak untuk dikecualikan iaitu pedagang dan pengilang, ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas, atau dibeli daripada pengilang berdaftar dengan syarat barang bercukai itu diimport, diangkut, dibeli atau digunakan dalam pengilangan barang yang dikecualikan daripada cukai jualan bagi maksud pengeksportan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2010

Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2010.

27. *Perenggan 39(a)* dan *(c)* bertujuan untuk menggantikan seksyen 6 dan 35 teks bahasa kebangsaan Akta 702 masing-masing untuk menjadikan peruntukan itu selaras dengan teks bahasa Inggeris manakala perenggan *39(b)* bertujuan untuk menggantikan seksyen 10 teks bahasa Inggeris Akta 702 untuk menjadikannya selaras dengan teks bahasa kebangsaan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2018

Bab VIII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2018.

28. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 71 Akta 812 untuk menjelaskan bahawa tarikh permulaan kuat kuasa bagi pemotongan seksyen 7 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] yang berkenaan dengan pemilihan untuk dikenakan cukai sebanyak dua puluh ribu ringgit adalah bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

AM

29. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3194]